



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

KONVENTSYEN SEJARAH DAN PERPADUAN NASIONAL 2024 “MENELUSURI SEJARAH : MEMBINA PERPADUAN NEGARA BANGSA”

SHAH ALAM, 19 September 2024 – Dalam usaha melestarikan kepentingan elemen sejarah sebagai tunjang pembentukan masyarakat Malaysia MADANI yang unik, bersatu, progresif, dinamik dan berdaya saing, Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Arkib Negara Malaysia menganjurkan **Konvensyen Sejarah dan Perpaduan Nasional 2024**. Majlis perasmian konvensyen disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri di sini, hari ini. Turut hadir, YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara.

Dengan tema “**Menelusuri Sejarah : Membina Perpaduan Negara Bangsa**”, konvensyen kali ini mempercikkan empat tema utama iaitu **Persekutuan, Ekonomi, Masyarakat dan Pembinaan Negara**. Turut diadakan ialah sesi pembentangan kertas, sesi forum oleh tokoh yang berpengalaman serta pameran eksklusif bertemakan “Perjuangan Perdana Ke Arah Kemerdekaan”.

YB Datuk Aaron Ago Dagang dalam ucapan aluannya berkata “**Sejarah adalah asas dalam membentuk identiti dan semangat kita sebagai rakyat Malaysia**. Dengan mengkaji sejarah negara, kita dapat mengenali nilai-nilai teras yang telah ditanamkan oleh nenek moyang kita termasuklah **semangat perpaduan, kebersamaan dan keadilan sosial**. Nilai-nilai ini adalah asas penting dalam membina masyarakat yang harmoni dan sejahtera”.

Tambah beliau lagi, “Malaysia dikenali dengan kepelbagaian etnik dan budaya yang kaya. Dengan **memahami sejarah kepelbagaian etnik dan budaya ini, kita dapat membina masyarakat yang lebih inklusif dan harmoni seterusnya dapat memperkuuh perpaduan dan mengukuhkan jalinan sosial antara pelbagai kaum**”.

Beliau turut mengulas mengenai fungsi Arkib Negara Malaysia dalam **membantu dalam memelihara identiti kebangsaan, menyediakan sumber**

maklumat untuk penyelidikan dan pendidikan, serta melindungi warisan budaya negara namun terdapat cabaran dari segi kos yang tinggi untuk mendapatkan rekod-rekod mengenai Malaysia yang berada di luar negara.

Di akhir konvensyen ini, satu resolusi akan dihasilkan dan akan dibentangkan dalam Majlis Penasihat Perpaduan Negara (MPPN) bagi merangka tindakan KPN dalam hal-ehwal usaha penyatuan nasional (*national reconciliation*) dari pelbagai sudut serta cadangan kaedah penyelesaian terbaik kepada Kerajaan untuk menangani isu dan cabaran berkaitan perpaduan.

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

19 September 2024